



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/06/87 (HQ)

TNB MENYOKONG PELAN PEMULIHAN NEGARA DENGAN BANTUAN KEPADA USAHA PEMVAKSINAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT

- Mengutamakan kestabilan dan daya harap bekalan elektrik kepada hospital, pusat vaksin & pos kawalan sementara
- Memastikan bekalan yang berdaya harap kepada pelanggan & memperluaskan bantuan kepada golongan rentan
- Melabur dalam pembinaan infrastruktur baharu yang memberi kesan pengganda bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi

Tenaga Nasional Berhad (TNB) amat komited untuk membantu usaha kerajaan bagi menangani kesan krisis pandemik COVID-19 dan akan berterusan memberi sokongan dan kerjasama bagi strategi peralihan keluar yang digariskan di bawah Pelan Pemulihan Negara seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir. Baharin Din berkata keutamaan TNB terhadap Pelan Pemulihan Negara berfokus kepada empat aspek iaitu menyelamatkan nyawa; melindungi golongan rentan; menyediakan bekalan elektrik yang stabil dan memacu pemulihan ekonomi.

“Kesan positif daripada empat aspek tumpuan ini menjangkaui tiga indikator yang disebutkan dalam Pelan Pemulihan Negara yang berkait dengan kadar penularan wabak COVID-19, keupayaan sistem kesihatan awam dan kejayaan program vaksinasi negara.

“Sebagai syarikat utiliti elektrik negara, kami mengutamakan kestabilan dan daya harap bekalan elektrik kepada hospital, pusat simpanan vaksin (PSV) dan pusat pemberian vaksin (PPV), serta pos kawalan sementara bagi anggota polis dan tentera. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada Mac 2020, TNB telah menyumbang lebih RM33 juta bagi tujuan ini dan kini tumpuan diberikan bagi memastikan bekalan elektrik di lebih 40 PSV dan lebih 400 PPV kekal stabil.

“Ia bagaimanapun, tidak menjelaskan komitmen kami untuk menyediakan bekalan yang kukuh dan stabil kepada 9 juta pelanggan kami. Pasukan operasi kami kekal terus menjalankan tugas setiap hari meskipun berdepan risiko, didorong matlamat kami untuk memastikan bekalan elektrik kukuh dan stabil bagi menyinari dan menceriakan kehidupan.”

“Kami juga aktif mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan TNB mencapai imuniti kelompok dalam kalangan 35,000 warga kerjanya, selain menawarkan premis-premis kami sebagai pusat pemberian vaksin bagi mempercepatkan kadar pemvaksinan negara. Usaha-usaha ini melengkapi inisiatif berterusan TNB untuk mengurangkan kadar penularan virus seperti memendekkan waktu operasi Kedai Tenaga dan mengalih transaksi dan pertanyaan dari kaunter ke platform digital.”

Tambah beliau, sebagai organisasi yang mempunyai nilai-nilai teras yang termasuk Profesionalisme dan Prihatin, TNB terus mengimbangi pengurusan kewangan yang berhemat dan usaha berterusan bagi menambah baik rangkaian bekalan elektriknya dengan peranannya sebagai warga korporat yang bertanggungjawab melalui pemberian bantuan kepada golongan dari sektor ekonomi yang terkesan, dan membantu rakyat khususnya golongan B40.

Baharin menjelaskan TNB akan memperluaskan lagi bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik menerusi pelbagai program tanggungjawab sosialnya dan usaha sukarela warga kerjanya termasuk program potongan gaji secara sukarela. Sejak Januari 2021, TNB telah secara terus memperuntukkan hampir RM9.5 juta kepada lebih 10,000 keluarga yang terjejas akibat pandemik ini, dan akan berterusan menghulurkan bantuan di kawasan-kawasan di mana ia beroperasi di seluruh negara.

Tambah beliau, pelan bayaran mudah sedia ada TNB yang memanfaatkan hampir 7 juta pelanggan domestik telah dilanjutkan sehingga akhir tahun ini dan pemotongan bekalan ditangguh sehingga hujung bulan ini. Selain itu, diskaun 10 peratus yang memberi manfaat kepada lebih 11,500 pelangan dari enam sektor terpilih di bawah pakej PEMERKASA telah dilanjutkan sehingga akhir September.

“Kami juga berperanan penting dalam menyokong pemulihan ekonomi Malaysia dan ini akan menjadi lebih ketara dalam fasa-fasa akhir Pelan Pemulihan Negara. Ia merangkumi pelaburan perbelanjaan modal yang sedang giat dilaksanakan untuk memodenkan dan menambah baik grid nasional. Usaha ini disokong oleh program pembangunan vendor dan inisiatif latihan kemahiran semula bagi menyokong pewujudan peluang pekerjaan baharu dalam industri,” katanya.

Sepanjang Tempoh Kawal Selia 2018-2020, TNB telah melabur lebih RM7 bilion dalam program pembangunan vendor yang memberi manfaat kepada ribuan perusahaan kecil dan sederhana. Satu inisiatif latihan kemahiran semula yang diterajui pusat latihan TNB, ILSAS, bertujuan memberi latihan kepada lebih 17,500 individu menjelang 2024 bagi menyokong proses peralihan tenaga negara.

“Inisiatif-inisiatif berwawasan ini dilakukan bagi memastikan TNB dapat berterusan meletakkan negara dan rakyat dalam kedudukan yang baik dalam usaha untuk mempercepatkan usaha pemulihan. Untuk kembali ke landasan yang kukuh bagi mencapai pertumbuhan ekonomi pasca pandemik, kerjasama antara sektor, rakyat dan kerajaan amat penting.

“Bagi TNB, peranan kami untuk menyokong pertumbuhan ini bagi tempoh beberapa tahun akan datang sehingga 2024 akan bertumpu kepada memastikan sistem rangkaian bekalan yang kukuh dan selamat; memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang dan berubah; serta menyokong proses peralihan tenaga negara, dengan cadangan nilai pelaburan berjumlah RM24 bilion,” tambah Baharin.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Jun 2021, jam 2:15 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Keutamaan TNB terhadap Pelan Pemulihhan Negara termasuk memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap kepada hospital, pusat simpanan vaksin (PSV) dan pusat pemberian vaksin (PPV) serta lebih daripada 9 juta pelanggan di seluruh negara.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din